

"Rantau kita telah ditempa dengan pelbagai cabaran - daripada kejutan mata wang hingga wabak global, kita telah melaluinya semua"

*Anwar Ibrahim,  
Perdana Menteri*



## ASEAN tak akan undur hadapi cabaran semasa

**Kuala Lumpur:** ASEAN tidak akan berundur dan tergesa-gesa dalam mendepani cabaran semasa sebaliknya akan membina semula untuk membentuk sesuatu yang lebih baik.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata pada masa ini, rantau berkenaan bukan lagi wilayah yang terpencil dalam ekonomi global, sebaliknya berada di tengah-tengahnya.

Namun begitu katanya, pengaruh ASEAN tetap bergantung kepada perpaduan, keupayaan untuk bersuara secara bersama dan bertindak dengan niat yang dikongsi bersama.

"Bagi ASEAN, jawapannya (kepada isu) bukan untuk berundur, juga bukan untuk tergesa-gesa. Rantau kita telah ditempa dengan pelbagai cabaran - daripada kejutan mata wang hingga wabak global, kita telah melaluinya semua.

"Setiap kali, kita bukan sahaja membina semula, tetapi membentuk sesuatu yang lebih baik," katanya dalam ucapan majlis makan malam gala sempena Kepengerusian ASEAN Malaysia dalam 'Finance Track', di sini, ma-

lam tadi.

Bagaimanapun, Anwar berkata, daya tahan sahaja tidak mencukupi tanpa hala tuju yang jelas kerana dunia tidak menunggu dan ASEAN juga tidak boleh ketinggalan.

"Inilah sebabnya Kepengerusian Malaysia berpegang kepada tema Kelestarian dan Inklusiviti - bukan sebagai hiasan retorik, tetapi sebagai cita-cita yang nyata dan boleh dilaksanakan," katanya.

Anwar berkata, inklusiviti bermaksud pertumbuhan yang bukan sekadar mengangkat pasaran, tetapi turut menyentuh kehidupan yang merangkumi peniaga kecil, usahawan muda, golongan yang terpinggir dan mereka yang tidak kelihatan.

"Kelestarian pula membawa makna yang lebih luas daripada sekadar kesedaran terhadap perubahan iklim. Ia berkaitan dengan kesinambungan - dari segi peluang, kestabilan, dan keyakinan terhadap institusi.

"Ia menuntut kita untuk merancang dengan disiplin, melabur dengan pandangan jauh, dan bertindak dengan penuh keprihatinan," katanya.